



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN DENGAN
TEKANAN PENGURUSAN DI KALANGAN GURU BESAR
DI DAERAH KOTA MARUDU, SABAH**

DATU RAIMAN BIN DATU KAUMAN

FPP 1999 56

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN DENGAN
TEKANAN PENGURUSAN DI KALANGAN GURU BESAR
DI DAERAH KOTA MARUDU, SABAH**

DATU RAIMAN BIN DATU KAUMAN

**MASTER SAINS
FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1999**



**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN DENGAN
TEKANAN PENGURUSAN DI KALANGAN GURU BESAR
DI DAERAH KOTA MARUDU, SABAH**

OLEH

DATU RAIMAN BIN DATU KAUMAN

Projek Kajian Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
MAC 1999



PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah. Segala puji bagi Allah SWT. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, memberikan kekuatan, keyakinan dan kesihatan sehingga kertas projek ini dapat saya sempurnakan jua.

Saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga buat Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa selaku penyelia kajian ini, yang membantu, membimbing dan mendorong saya tanpa jemu.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah, Fakulti Pengajian Pendidikan serta semua kakitangannya; Puan Rohani Ahdirin, Sdra. Zahrul dan Cik Farah yang banyak memberikan kerjasama, mudah dalam berurusan, terima kasih segalanya.

Jutaan terima kasih juga buat semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan amnya, para pensyarah program Pentadbiran Pendidikan khususnya, Prof. Madya Dr. Kamariah Haji Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, Dr. Mohd. Majid Konting, Dr. Foo Say Fooi, Dr. Rohani Ahmad Tarmizi, Dr. Abd. Rahim Bakar, En. Mohd. Yusoff Ahmad, Dr. Aida Suraya, dan Dr. Puteri Zabariah di atas curahan ilmu serta tunjuk ajar yang telah diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat En. Mohd. Kassim Mohd. Ibrahim dari Jabatan Pendidikan Sabah, En. Amrin Abdul Rahman dari Pejabat Pendidikan Bahagian (PBU), Pegawai dan semua kakitangan di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu, En. Modin Otoh selaku Yang Di Pertua MGB Daerah Kota Marudu serta semua Guru Besar di daerah Kota Marudu, Sabah yang sudi menjadi responden dalam kajian ini.

Rakaman rasa terhutang budi buat rakan-rakan seperjuangan atas pertolongan dan dorongan kalian terutamanya Sdra. Jusang Bolong yang banyak mengorbankan masa dan tenaga, menyumbangkan idea berbincang bersama.

Akhir sekali, segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan sesungguhnya tidak ternilai dan disanjung tinggi. Semoga segalanya mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT.

Sekian.

Datu Raiman bin Datu Kauman
Kampung Kota Peladok
89158 Kota Belud,
Sabah.

Dedikasiku Buat,

Amah Inah,

Haji Datu Kauman Bin Haji Datu Bendari &
Hajah Bai Saira Binti Datu Anggol
Doa serta kesabaran ayah bonda menanti kepulanganku,
Menguatkan semangat juangku.

Isteriku,

Baijura Normie Yundang,
Kesetiaan dan ketabahanmu,
Adalah inspirasi kejayaan ini.

Anak-anakku,

Datu Mohd. Jur Amizan,
Datu Mohd. Jur Awizan,
Datu Mohamad Jur Anizam.
Kejayaan ini,
Adalah titik permulaan untuk kalian terus berjuang,
Mencapai puncak kejayaan dan kecemerlangan.
Insyallah.

Kalian keluarga,

Yang mendorong dan memahami prinsip perjuanganku,
Untuk Apa Aku Berdagang.

14 Feb 1999
Sri Serdang



DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK BAHASA MELAYU	x
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	4
Objektif Kajian	6
Soalan-soalan Kajian	6
Kepentingan Kajian	7
Batasan Kajian	8
Definisi Istilah	9
Gaya Kepimpinan	9
Tekanan Pengurusan	9
 2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	11
Konsep dan Teori Kepimpinan	11
Jenis Kepimpinan	13
Kepimpinan Demokratik	13
Kepimpinan Autokratik	14
Kepimpinan <i>Laissez-faire</i>	15

	Teori kepemimpinan House dan Mitchell	15
	Pendekatan Dalam Kepimpinan	17
	Konsep Tekanan	18
	Konsep Tekanan Pengurusan	19
	Sumber-sumber Tekanan Pengurusan	19
	Kerangka Konsep Kajian	20
	Kajian Berkaitan	21
3	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	26
	Reka Bentuk Kajian	26
	Subjek Kajian	27
	Instrumen Kajian	27
	Kajian Rintis	30
	Prosedur Kajian	33
	Pengukuran Pembolehubah	
	Pembolehubah Gaya Kepimpinan	33
	Pembolehubah Tekanan Pengurusan	34
	Penganalisan Data	36
	Interprestasi Dalam Analisis Hubungan	37
4	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	38
	Ciri-ciri Demografik Responden	38
	Tahap Gaya Kepimpinan	41
	Tahap Tekanan Pengurusan	44
	Tekanan Pengurusan Mengikut Kategori	46
	Susunan Kedudukan Punca-punca Tekanan Pengurusan	48
	Perbandingan Tahap Gaya Kepimpinan Keseluruhan Dengan Tahap Tekanan Pengurusan	50

Analisa Hubungan Gaya Kepimpinan Dengan Tekanan Pengurusan	51
Nilai Korelasi Antara Tahap Gaya Kepimpinan Keseluruhan Dengan Tahap Tekanan Pengurusan Keseluruhan	55
5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	56
Rumusan	56
Perbincangan	63
Cadangan	69
Cadangan Kajian Lanjutan	70
SENARAI RUJUKAN	72
LAMPIRAN	
A. Soal-selidik	76
B. Senarai Panel AJK Penyemakan	83
C. Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada KPM	84
D. Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada JPN	86
E. Senarai Nama Sekolah Rendah Dalam Daerah Kota Marudu	88
BIODATA PENULIS	89
PENGAKUAN	91
PENGESAHAN PENYELIA KAJIAN	92
PENGESAHAN TIMBALAN DEKAN (PENYELIDIKAN DAN SISWAZAH)	93



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan item mengikut empat aspek utama tekanan pengurusan	29
2	Taburan item mengikut empat gaya kepimpinan	30
3	Interprestasi dalam analisis hubungan	37
4.	Frekuensi dan peratus maklumat ciri demografik responden	40
5	Taburan responden mengikut tahap gaya kepimpinan	43
6	Tahap responden mengikut tahap tekanan pengurusan	45
7	Min dan sisihan piawai bagi tekanan pengurusan mengikut kategori	47
8	Min dan sisihan piawai keseluruhan item tekanan pengurusan	49
9	Tahap gaya kepimpinan secara keseluruhan	50
10	Tahap tekanan pengurusan secara keseluruhan	51
11	Hubungan antara pembolehubah tahap gaya kepimpinan dengan tahap tekanan pengurusan	54
12	Hubungan antara tahap gaya kepimpinan keseluruhan dengan tahap tekanan pengurusan	55

SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
GMGBM	Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPPK	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBU	Pantai Barat Utara
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
MGBKM	Majlis Guru Besar Kota Marudu
SPSS	Statistical Package for Social Science



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN DENGAN TEKANAN
PENGURUSAN DI KALANGAN GURU BESAR DI DAERAH
KOTA MARUDU, SABAH**

Oleh

DATU RAIMAN BIN DATU KAUMAN

Penyelia : PROF. MADYA DR. ZAKARIA BIN KASA
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah. Secara lebih terperinci, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti: (1) Ciri-ciri demografik guru besar; (2) Gaya kepimpinan guru besar; (3) Tahap tekanan pengurusan di kalangan guru besar; (4) Hubungan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan.

Populasi kajian ialah guru-guru besar sekolah rendah di daerah Kota Marudu. Seramai 26 orang daripada 28 orang guru besar telah terlibat sebagai responden kajian ini. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan instrumentasi soal selidik dan analisis data telah dijalankan dengan menggunakan perisian *The Statistical Package for Social Science* (SPSS). Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif, min, sisihan piawai dan pekali korelasi pearson.



Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih cenderung ke arah gaya kepimpinan menyokong (69%) pada tahap tinggi. Secara keseluruhan pula didapati tahap amalan gaya kepimpinan responden berada pada tahap sederhana. Sementara itu, tekanan pengurusan pula menunjukkan bahawa aspek pengurusan kemudahan mewujudkan tekanan paling tinggi antara empat kategori tekanan yang ada dan berada pada tahap tekanan tinggi. Tekanan pengurusan kategori pengurusan kemudahan menyaksikan lebih separuh daripada responden berada pada tahap tinggi. Bagaimanapun secara keseluruhannya tahap tekanan pengurusan yang dialami oleh responden berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara tekanan pengurusan kategori perhubungan sekolah dengan gaya kepimpinan mengarah. Begitu juga kajian mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara tekanan pengurusan kategori pengurusan kemudahan dengan gaya kepimpinan berserta. Selain daripada itu terdapat juga hubungan yang signifikan antara tekanan pengurusan kategori pentadbiran rutin dengan gaya kepimpinan berserta.

Berdasarkan dapatan kajian ini adalah dicadangkan agar para guru besar diberi pendedahan secara berterusan berkaitan dengan gaya kepimpinan yang sesuai dengan iklim sekolah serta pengetahuan tentang tatacara menangani serta menguruskan tekanan. Dalam pada itu seharusnya aspek pengurusan yang mewujudkan tekanan tinggi diberi perhatian oleh semua pihak terlibat.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master of Science.

**RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP STYLE WITH MANAGEMENT
STRESS AMONGST HEADMASTERS IN DISTRICT OF
KOTA MARUDU, SABAH**

By

DATU RAIMAN BIN DATU KAUMAN

Supervisor: ASSOC. PROFESSOR DR. ZAKARIA BIN KASA

The purpose of this study was to identify the relationship between leadership style and management stress among the Headmasters in Kota Marudu, Sabah. In greater, the study is comed out to identify (1) Demographic criteria among Headmasters; (2) Leadership style of the Headmaster; (3) Level of management stress among the Headmasters; (4) Relationship between the leadership style and management stress.

The study population was the primary school headmasters in Kota Marudu. About 26 of 28 headmasters were involved as respondents. The data was accumulated through questionnaires and analysis was done by using "The Statistical Package of Social Sciences (SPSS)". Descriptive statistic, min, std. deviation and correlation Pearson Product Moment were used.

The finding show that most of the respondents were more inclined to supportive leadership style (69%) at the high level. On the whole, use of



leadership style, amongst respondents were moderated too. On the other hand, the management stress shows that the facilities management aspect creates the highest level of stress between the four stress categories. The management categories based on the management, found that more than half of the respondents were at the high level. However, on the whole level of management stress experienced by the respondents was only at the moderate level. Finding of the study also shows that there is a significant relationship between management stress in the category of relationship in school and authoritative leadership style. Furthermore the study found a relationship between management stress in the category of facilities management and the participative leadership style. Apart from that, there was also a significant relationship between management stress in the category of routine administration and participative leadership style.

Based on this study, it is recommended that the Headmasters be given continuous exposure to leadership style that are suitable to the school environment. They should also be educated on the ways and method of managing stress. Finally, aspects of management that create high stress should be given more attention by the people concerned.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pendidikan bertaraf dunia, sekolah bestari dan permasalahan sosial di kalangan pelajar adalah antara agenda penting Kementerian Pendidikan Malaysia. Seajar dengan itu, penstrukturan semula Kementerian Pendidikan giat dilakukan. Ia dirangka dengan memberikan pertimbangan utama kepada prinsip "pengupayaan" pengurusan pendidikan daripada peringkat pusat kepada peringkat negeri, daerah dan sekolah. Dalam usaha memaju dan mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan, peranan kepimpinan di peringkat sekolah menjadi semakin penting (Azmi Zakaria, 1995). Reformasi pendidikan ini meletakkan kepimpinan di peringkat sekolah menjadi semakin kompleks. Ini bertepatan sekali dengan pendapat Kamaruddin Haji Kachar (1989), yang menyatakan bahawa para pentadbir di peringkat sekolah bukan sahaja memainkan peranannya sebagai pentadbir pendidikan tetapi juga merupakan pemimpin komuniti.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Pendidikan telah pun menyatakan bahawa sistem pelantikan pengetua dan guru besar perlu berubah (Abdul Shukor Bin Abdullah, 1998). Beliau melihat bahawa sesuatu perlu dilakukan agar bakal pengetua dan guru besar pada alaf akan datang dalam dunia teknologi maklumat

ini, dilantik dari kalangan mereka yang sememangnya berkemampuan dan bukannya atas dasar kekananan semata-mata. Sehubungan dengan itu pihak kementerian telah pun mengedarkan surat pelawaan kepada para pegawai perkhidmatan pendidikan untuk mengikuti kursus pengurusan dan kepimpinan sekolah berkesan melalui surat siaran KP(BS-MEN)8510/05/27(16) bertarikh 8 Oktober, 1998. Hakikat ini merupakan satu petanda betapa bertambah beratnya beban yang digalas oleh para pentadbir sekolah.

Di peringkat antarabangsa, para pemimpin organisasi dianjurkan supaya bersedia dengan perubahan-perubahan yang akan datang bersama pensejagatan pasaran (Bass & Avolio, 1990). Bass dan Avolio (1990) menyarankan supaya fokus kini diberikan kepada apa yang dinamakan pemimpin-pemimpin transformasi yang menyambut perubahan secara positif di samping secara aktif mencipta perubahan dan tidak bergantung kepada pendekatan transaksi yang diasaskan kepada kepimpinan peneguhan sahaja.

Di peringkat sekolah rendah, guru besar merupakan tonggak utama dalam menjana organisasi tersebut ke arah mencapai matlamat semua pihak; kementerian, jabatan, sekolah, ibu bapa dan masyarakat setempat. Guru besar perlu memimpin, mentadbir dan mengurus segala elemen sama ada elemen manusia dan juga bukan manusia; ini termasuklah tenaga pengajar, pelajar, pekerja, bangunan, alat dan keseluruhan kawasan sekolah.

Ibrahim Mamat (1993) menyatakan;

Guru Besar orang yang terkehadapan dalam semua hal mengenai sekolahnya. Dia mesti tahu tentang keadaan fizikal sekolah, keadaan guru, murid dan pekerjaannya. Dia mesti mendahului orang-orang lain dalam ilmu pengetahuan, dalam pengajaran, dalam kebolehan menyelesaikan masalah, dalam dedikasi terhadap tugas dan sebagainya.

(Ibrahim Mamat, 1993: 53)

Tanggungjawab yang dipikul semakin bertambah. Tuntutan, keperluan dan harapan masyarakat khususnya ibu bapa terhadap pihak sekolah semakin mendesak dan berbagai ragam membuatkan beban pengurusan di kalangan pentadbir di sesebuah sekolah juga bertambah. Ini sudah tentu menuntut daya tahan serta iltizam yang lebih tinggi. Namun keterbatasan dari aspek kemampuan diri lazimnya menjadi penghalang kepada para guru besar melaksanakan amanah tersebut dengan jayanya. Halangan-halangan inilah juga yang akan menyebabkan para guru besar terheret dalam keadaan yang tertekan (*stress*) kerana dalam alam pekerjaan, fenomena tekanan sering dilihat sebagai reaksi individu terhadap ciri-ciri persekitaran kerja yang dianggap menggugat dirinya (Mazturi, 1992).

Menurut Wan Mohd.Zahid (1993) tekanan pengurusan sekolah mudah berlaku apabila pentadbiran sekolah terlalu menekankan atau mengamalkan proses birokrasi, budaya 'pak turut', bersikap konservatif, berpendirian tertutup dan terlalu mekanis dalam tindakan seharian mereka. Akibatnya mereka menjadi beku, hilang minat dan motivasi, kurang produktiviti dan berpotensi untuk

menghadapi masalah *burnout*. Dalam konteks inilah perlunya seorang guru besar yang mampu memimpin organisasi yang diterajui. Kegagalan mereka akan membuatkan masyarakat mempertikaikan kepimpinan mereka. Kejayaan sesebuah organisasi sekolah adalah berkait rapat dengan gaya kepimpinan guru besarnya (Abdul Ghani Ishak, 1994). Kelicinan dan keberkesanan sekolah dikatakan bergantung terus kepada prestasi guru besar. Biasanya sekolah-sekolah yang menunjukkan kemajuan mempunyai guru besar yang baik (Rankin, 1988).

Pernyataan Masalah

Akhir-akhir ini sering kita terbaca melalui media massa pendedahan tentang kelemahan para guru besar dalam beberapa aspek; pentadbiran, pengurusan, dan juga kepimpinan pengajaran. Malah dalam kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), terhadap para pengetua di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati bahawa hampir 70 peratus guru besar tidak masuk kelas melaksanakan pengajaran seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sementara 65 peratus menghabiskan masa mereka untuk menghadiri mesyuarat dan tidak berada di sekolah dan faktor ini merupakan punca kelemahan sekolah (KPPK, 1998). Bagaimanapun dakwaan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) tersebut telah disangkal oleh Gabungan Majlis Guru Besar

Malaysia (GMGBM) dalam persidangannya di Ipoh baru-baru ini (Utusan Malaysia, 24 Oktober 1998).

Harapan yang melambung tinggi, amanah yang begitu berat, beban pengurusan yang semakin kompleks meletakkan para guru besar dalam situasi konflik dan tertekan. Kemampuan yang terbatas pasti akan menghalang mereka untuk terus memikul dan melaksanakan semua tanggungjawab tersebut seperti yang dikehendaki oleh semua pihak yang terlibat dengan pendidikan. Sedangkan pada masa yang sama, guru besar adalah orang pertama yang menentukan kejayaan sekolah kerana berpengaruh dan berkuasa dalam menentukan hala tuju sekolah pimpinannya. Secara umumnya guru besar merupakan seorang pengurus, pentadbir dan pemimpin yang sangat diharapkan untuk memajukan sekolahnya. Faktor kepimpinan guru besar merupakan faktor terpenting menentukan sebuah sekolah itu berkesan, maju dan cemerlang (Hussein Mahmood, 1993).

Senario ini pastinya akan menambahbebankan tekanan di kalangan guru besar. Oleh itu persoalan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah tekanan di kalangan guru besar tersebut berkaitan dengan gaya kepimpinan yang wujud di sekolah berkenaan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.

Objektif secara khusus ialah:-

1. Mengenal pasti ciri-ciri demografik guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.
2. Mengenal pasti gaya kepimpinan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.
3. Mengenal pasti tahap tekanan pengurusan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.
4. Mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.

Soalan-soalan Kajian

1. Apakah ciri-ciri demografik guru-guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah.
2. Apakah bentuk gaya kepimpinan guru-guru besar di daerah Kota Marudu
3. Apakah tahap tekanan pengurusan yang dialami oleh guru-guru besar ?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan ?

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak tertentu dalam merangka satu program pengurusan tekanan yang lebih relevan dan dilaksanakan bagi membentuk budaya kerja yang lebih produktif. Meskipun pada umumnya tekanan tersebut tidak mungkin dapat dihapuskan sepenuhnya.

Secara tidak langsung dapatan kajian ini juga boleh dijadikan mekanisme untuk meningkatkan tahap kepuasan kerja para guru besar yang menjadi tunjang institusi pendidikan di peringkat rendah. Kepuasan kerja pula mampu mencetuskan motivasi dan secara langsung ada kesan terhadap prestasi pelajar. Tahap tekanan pengurusan yang tinggi akan menyekat kepuasan kerja dan ini akan mempengaruhi tahap dedikasi dan iltizam seseorang guru besar. Fenomena ini boleh menyebabkan golongan ini menjadi tidak produktif. Umumnya kepuasan kerja yang tinggi akan mewujudkan kecenderungan untuk menghasilkan tahap kesihatan dan kesejahteraan mental yang baik dalam menghadapi tugasnya.

Diharapkan juga dengan adanya kajian seperti ini, dapat membantu pihak-pihak tertentu khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri serta Majlis Gabungan Guru Besar dalam merangka strategi kursus kepimpinan yang lebih relevan dengan tuntutan semasa. Rasionalnya, data-data yang bakal diperolehi daripada kajian ini akan memberikan gambaran sebenar

atau realiti permasalahan yang berlaku sehingga kursus kepimpinan perlu dilaksanakan. Kajian ini juga akan memberi gambaran dan kesedaran kepada pihak pentadbir tentang gaya kepimpinan yang diamalkan dan tekanan yang dialami khususnya di kawasan yang dikaji. Apa yang jelas, usaha pihak Kementerian Pendidikan membuat perubahan dalam sistem pelantikan guru besar seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan baru-baru ini memerlukan maklum balas dari pelbagai aspek tambahan pula kajian seumpama ini agak kurang dijalankan di Sabah.

Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan dengan tekanan pengurusan di kalangan guru besar di daerah Kota Marudu, Sabah sahaja. Kajian ini melibatkan 28 orang guru besar sekolah rendah dalam daerah tersebut.

Kajian ini merupakan satu tinjauan. Kejituan kajian ini bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden semasa menjawab item-item yang terkandung dalam instrumen kajian. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada guru-guru besar di tempat lain kerana persampelan yang terlalu kecil dan tidak meliputi semua kawasan yang mempunyai persoalan kajian yang berbeza. Dari segi instrumen kajian, hanya borang soal selidik digunakan. Oleh itu, instrumen ini terbatas kepada maklum balas dalam bentuk

kuantitatif dan bukannya kualitatif. Manakala pembolehubah-pembolehubah yang dipilih hanya terbatas terhadap minat pengkaji berdasarkan pernyataan masalah yang didapati di lokasi kajian.

Definisi Istilah

Gaya Kepimpinan

Gaya kepimpinan merujuk kepada struktur keperluan yang mendasari individu yang memotivasikan tingkah lakunya dalam aneka situasi kepimpinan. Tingkah laku yang dimaksudkan ialah tindakan-tindakan tertentu yang dilakukan dalam masa mengarah atau menyelaraskan kerja-kerja ahli kelompoknya (Fiedler, 1967).

Dalam kajian ini gaya kepimpinan merujuk kepada bagaimana guru-guru besar bertingkah laku mengikut empat gaya iaitu gaya kepimpinan menyokong, gaya kepimpinan mengarah, gaya kepimpinan berserta dan gaya kepimpinan berorientasikan kejayaan apabila berdepan dengan tekanan pengurusan.

Tekanan Pengurusan

Tekanan pengurusan melibatkan aspek mental atau emosi yang terbentuk akibat daripada mahu untuk mengatasi sesuatu masalah yang berkaitan dengan

tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan sesebuah organisasi. Konsep tekanan pengurusan dalam kajian ini lebih menjurus kepada tekanan yang berkaitan dengan tugas pengurusan dan pentadbiran. (Menurut Morris (1975), tekanan pengurusan di kalangan para pengurus biasanya melibatkan aspek akauntabiliti mereka terhadap organisasi yang dipimpin ataupun tekanan yang diterima daripada pihak atasan atau bawahan dalam menyelesaikan sesuatu tugas.) Dengan erti kata yang paling mudah, tekanan pengurusan ialah tekanan yang berkaitan dengan pucuk pimpinan pertengahan seperti golongan pentadbir atau pengurus profesional yang mengendalikan atau menjayakan objektif dan dasar sesebuah organisasi.

Dalam konteks kajian ini tekanan pengurusan merujuk kepada tekanan pengurusan di kalangan guru besar sekolah rendah dari aspek perhubungan sekolah, pengurusan kemudahan, pentadbiran rutin dan pengurusan warga sekolah.